

TIPS PEMENGGALAN SUBJEK DAN PREDIKAT DALAM AYAT			
Bil/TIPS	Subjek	Predikat	Jenis Kata
*1	itu,ini,		Kata Tunjuk
*2		ialah,adalah.....	Kata Pemerl
*3		sangat,amat,sungguh,.....	Kata Penguat
*4		hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat.....	Kata Bantu Ragam
*5		telah, sudah, pernah, sedang, masih,akan,belum....	Kata Bantu aspek
*6		bukan, tidak.....	Kata nafi
*7		sempat, sejak, semasa....	Kata Adverba
*8		me..., ter..., ber..., di.....	Imbuhan kata kerja
*9		KN, KA, KSN, KK.....	

Kata adverba ialah kata yang menerangkan KN,KA,KSN & KK dari segi cara, masa dan tempat.

Alyn sempat melawat ibunya di kampung sebelum ibunya meninggal dunia.

Contoh

Asyraf menunggu adiknya bersiap sejak dari jam 9 pagi lagi.

Subjek: Asyraf menunggu adiknya bersiap

Predikat: sejak dari jam 9 pagi lagi

Ayah telah mewasiatkan segala harta-hartanya kepada Ali semasa arwah masih hidup

Subjek: Ayah telah mewasiatkan segala harta-hartanya kepada Ali

Predikat: semasa arwah masih hidup

KAEDAH PEMENGGALAN S + P

No. Soalan	SUBJEK	PREDIKAT	TIPS	JAWAPAN
i	Bunga Mawar itu	untuk cikgu saya sempenan Hari Guru	(TIPS *1)	FN+FSN
ii	Tuan Haji Ahmad	pengetua di sekolah itu sermenjak lima tahun lalu.	(TIPS *9)	FN+FN
iii	Kerajaan	tidak pernah mengabaikan tanggungjawab dalam membela nasib rakyat.	(TIPS *6)	FN+FK
iv	Blok asrama baharu	untuk murid lelaki masih dalam proses pembinaan.	(TIPS *9)	FN+FSN
v	Penyanyi tersohor itu	sangat anggun dan bergaya ketika membuat persembahan	(TIPS *1 dan *3)	FN+FA
vi	Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu Sekolah saya	telah menyediakan laporan aktiviti sempena Bulan Bahasa.	(TIPS *5)	FN+FK

LATIHAN SINTAKSIS : CERAKINKAN SUBJEK DAN PREDIKAT BAGI AYAT DI BAWAH

1. Joel sungguh bernasib baik hari ini	
SUBJEK	
PREDIKAT	
2. Orang itu kurus kerana tidak memakan nasi pada waktu malam	
SUBJEK	
PREDIKAT	
3. Matlamat pasukan German adalah untuk menewaskan pasukan England dalam perlawanan bola sepak	
SUBJEK	
PREDIKAT	
4. Pasukan England akhirnya berjaya menewaskan pasukan German dengan jaringan tuah sebanyak dua gol	
SUBJEK	
PREDIKAT	

5. Cabaran pengajaran bahasa Melayu di kawasan pedalaman termasuklah menghadapi cabaran kepelbagaian dialek	
SUBJEK	
PREDIKAT	
6. Kepelbagaian dialek menyukarkan proses pengajaran bahasa Melayu di kawasan pedalaman	
SUBJEK	
PREDIKAT	
7. Faktor ketiaadaan peluang pekerjaan menjadi punca warga muda terjerumus ke lembah jenayah	
SUBJEK	
PREDIKAT	
8. Lee Joon Ki pernah melamar Lee Ni Sa tetapi lamaran tersebut telah ditolak	
SUBJEK	
PREDIKAT	
9. Pihak Kementerian Kesihatan tidak pernah gagal dalam melaporkan perkembangan kes harian Covid-19.	
SUBJEK	
PREDIKAT	
10. Keputusan SPM pada tahun ini dijangka dapat memecahkan rekod keputusan SPM pada tahun lalu	
SUBJEK	
PREDIKAT	